

19/09/2002

Membendung fahaman puak Khawarij

SEJARAH mencatatkan bibit-bibit awal perpecahan umat Islam muncul pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan lagi disebabkan bilangan mereka yang jahil terhadap Islam lebih ramai daripada mereka yang benar-benar memahaminya. Mereka ini tidak menghayati kefahaman dan amalan Islam sejati, tambahan pula sebahagian mereka tidak menguasai ilmu dan akhlak Islam sebagaimana sepatutnya. Lantaran itu muncullah puak Syiah, Khawarij dan Murjiah. Didasarkan asalnya semata-mata dalam bentuk perselisihan politik, iaitu masalah siapakah yang sepatutnya menjadi khalifah, ia kemudian bertukar dan berkembang menjadi perbezaan dalam bentuk mazhab ajaran Islam. Bahaya fahaman puak Khawarij, sebagaimana dihuraikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, bukan rekaan atau sesuatu yang diadadakan, sebaliknya adalah realiti di depan mata.

Seperti digambarkan Perdana Menteri, puak seperti ini tidak pernah memerangi bukan Islam, sebaliknya memusuhi orang Islam lain. Berbeza dengan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengambil pendirian tidak terbabit dalam kancah politik tetapi memberikan kesetiaan kepada pemerintah bagi memelihara kestabilan dan keamanan, ulama politik dari kalangan fahaman Khawarij pula cenderung memilih revolusi dan pemberontakan. Penentangan mereka terhadap pemerintah bukan sekadar perbezaan pandangan mengenai pemerintahan atau usaha menghapuskan kemungkaran tetapi bersifat permusuhan. Dalam banyak keadaan, permusuhan mereka terhadap pemerintah yang juga beragama Islam, lebih kental daripada permusuhan terhadap orang kafir yang memusuhi Islam. Kita harus belajar daripada sejarah kerana mereka yang menidakkan sejarah akan melakukan kesilapan yang sama berulang-ulang.